

29/08/2003

Semoga penjawat awam pegang janji perkhidmatan

Zulkifli Md Ali

SETIAP kali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menegur atau memberi pandangan mengenai sesuatu masalah atau isu, pasti reaksi diterima ialah pelaksanaan undang-undang atau operasi berhabis-habisan hingga ke akar umbi dilaksanakan.

Bagus juga teguran pemimpin besar kita ini, tetapi harus diingat sampai bila masyarakat kita khususnya kumpulan pelaksana undang-undang atau penguat kuasa hendak menunggu arahan sebegini barulah melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

Bukankah Malaysia sudah mempunyai sistem perundangan cukup lengkap dan kalau masih ada kelompangan, kerajaan atau pihak berkaitan akan melakukan pindaan serta dibincangkan panjang lebar di Dewan Rakyat untuk peringkat Pusat atau Dewan Undangan Negeri bagi peringkat negeri, sebelum diluluskan.

Maksudnya, apabila sudah diluluskan, kumpulan pelaksana pasti dapat menjalankan tugas dengan lebih baik.

Terbaru apabila pemimpin nombor satu dan dua negara menegur mengenai penyeludupan beras, heboh di sana sini penguat kuasa melancarkan operasi mengesan, merampas beras serta bertindak terhadap penyeludup.

Mulalah sekatan jalan raya dibuat di sana sini, kawalan pintu keluar masuk sempadan sama ada yang sah dan haram diperketatkan hingga nyamuk dari seberang hendak memasuki negara ini pun tak boleh lepas.

Boleh pula penjawat awam berkaitan menjalankan tugas dengan sempurna. Mengapa operasi sedemikian tidak boleh dilakukan sebelum teguran dibuat pemimpin.

Mungkin ada yang mencebik bibir apabila saya mempersoalkan sikap kebanyakan penjawat awam ini. Secara spontan, mungkin ada yang menjawab "banyak songel pula dia, kalau rasa awak dah bagus sangat, marilah buat sendiri, kami nak jadi pemerhati pula'.

Soalnya mengapa apabila Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menegur, penguatkuasaan boleh dilaksanakan dengan jayanya, sedangkan pemimpin kita itu banyak lagi perkara lebih besar hendak difikir dan dirancangan.

Adakah penjawat awam ini hendak melaksanakan sesuatu perkara itu hanya selepas ditegur pemimpin negara ibarat paku dengan penukul, sekali diketuk sekali bergerak, dua kali diketuk, dua kali bergerak, payahlah macam itu. Tidakkah boleh dilaksanakan sendiri kerja berdasarkan bidang kuasa yang sememangnya sudah diberikan.

Jika diamati secara halus, tentu ada benda atau perkara yang tidak kena, sama ada petugas pelaksana pada peringkat bawah atau peng'arah' yang memberi arahan.

Cakap lebih pula nanti ada pihak hendakkan bukti, sedangkan penguat kuasa yang sentiasa mencari bukti pun sukar mendapatkan kesahihan, mungkin bolehlah dapat seorang, tapi 10 orang lagi mungkin terlepas atau sukar dibuktikan.

Ada pegawai, mungkin secara berseloroh berkata: "Apa awak ingat nak suruh saya jadi rambo. Bolehlah, ikat kepala dengan kain, bawa M16 di belakang dan kiri kanan dengan pistol, habis-habisan membanteras penyeludupan.

"Tapi bila saya dah kena (pukul atau dcederakan), orang lain kata saya ni gila agaknya. Siapa suruh buat macam tu. Kita yang seorang ni habis-

habisan hendak menghapuskan pelbagai jenis penyeludupan, tapi pegawai lain, malah anak buah sendiri `mainkan' saya (pejam mata melihat penyeludupan)," katanya.

Penyeludup memang bijak mengkaji setiap gerak geri penguat kuasa. Penguat kuasa tidak bertanggungjawab pula membocorkan maklumat operasi, menyebabkan semua yang dirancang gagal.

Oleh itu, bukan saya seorang, malah ramai lagi rakyat negara ini cukup mengharapkan semangat kerja penjawat awam dapat memegang janji perkhidmatan supaya bekerja dengan baik, mengelakkan diri daripada amalan rasuah, sentiasa bersemangat tinggi dan akur dengan arahan ketua, agar semua bentuk penyeludupan sama ada beras, pendatang tanpa izin, senjata api, ubat batuk atau dadah, dapat dibanteras secara berkesan.